

Khazanah semula jadi aset ekopelancongan Sarawak

Berita Harian (17/12/2021) M/S

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Jika anda mengidamkan ketenangan sambil ditemani keindahan alam semula jadi, Bumi Kenyalang adalah jawapan untuk anda.

Keindahan flora dan fauna di Borneo ini sudah diperakui serata dunia dan tidak keterlaluan dikatakan, ramai yang jatuh cinta pandang pertama sebaik menjejakkan kaki di destinasi pelancongan semula jadi di Sarawak.

Sebanyak 63 peratus kawasan di Sarawak masih diliputi hutan dan bagi mengekalkan kelestarian alam

semula jadi, kerajaan Sarawak komited untuk memelihara kawasan hutan yang seluas tujuh juta hektar.

Bagi menjamin usaha pemeliharaan hutan dapat dijalankan dengan teratur dan berkesan, Sarawak mewartakan 47 kawasan taman negara, antaranya Taman Negara Kubah, Bako, Santubong, Kuching Wetland, Tanjung Datu, Gunung Gading dalam Bahagian Kuching; Batang Ai di Sri Aman; Bukit Lambir, Niah, Gunung Mulu dan Usun Apau dalam Bahagian Miri serta Similajau dan Bukit Tiban di Bintulu.

Selain itu, Sarawak turut mewartakan 15 kawasan

rizab semula jadi serta lima santuari hidupan liar dengan keseluruhan kawasan seluas 2.1 juta hektar.

Daripada puluhan kawasan semula jadi menarik yang ada di negeri ini, lima destinasi yang boleh dianggap sebagai lokasi wajib dikunjungi pelancong.

Bukan sahaja indah dengan keunikan alam semula jadi, kedudukannya juga agak dekat dengan bandar utama selain memiliki sistem pengangkutan yang baik untuk memudahkan pengunjung ke sana.


3 Taman Negara Gunung Gading

- Taman negara seluas 4,196 hektar ini diwartakan pada 1983.
- Terletak dalam daerah Lundu dan memakan masa dua jam perjalanan dari Kuching.
- Tempat pemuliharaan bunga terbesar di dunia, Rafflesia yang boleh membesar sehingga satu meter.

4 Taman Negara Gunung Mulu

- Diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.
- Pengunjung boleh menikmati gua batu kapur terbesar di dunia.
- Terletak jauh di pedalaman hulu Baram, namun mudah untuk ke sini dengan menaiki pesawat dari Miri atau menaiki bot menyusuri Sungai Batang Baram.






1 Taman Negara Bako

- Taman negara terkecil di Asia Tenggara dengan keluasan hanya 27 kilometer persegi.
- Terletak kira-kira 37 kilometer dari bandar raya Kuching.
- Diwartakan sejak 1957, Taman Negara Bako mempunyai hampir semua jenis tumbuhan tropika di Borneo iaitu sebanyak 285 spesies tumbuhan yang direkodkan, 60 spesies burung, 20 spesies haiwan reptilia dan haiwan berdarah sejuk serta 47 spesies mamalia, termasuk monyet proboscis yang lebih dikenali sebagai monyet Belanda, yang hanya ditemui di Borneo.



2 Taman Negara Similajau

- Terletak di Bintulu.
- Taman negara ini menyimpan khazanah alam berharga yang menggabungkan hutan pantai, hutan kerangas dan hutan paya bakau yang ditumbuhi pelbagai spesies pokok, batu-batuan pantai yang besar serta habitat bagi 24 spesies hidupan liar, termasuk buaya, ikan lumba-lumba dan penyu hijau.



5 Taman Negara Niah

- Menempatkan Gua Niah, yang pernah didiami manusia kira-kira 40,000 tahun lalu, sekaligus dikenal pasti sebagai tapak terawal kehadiran manusia di Asia Tenggara.
- Terletak 110 kilometer dari bandar raya Miri dan hanya tiga kilometer dari pekan Niah.



Selain taman negara itu, banyak lokasi menarik baharu yang akan dijadikan destinasi pelancongan di Sarawak, antaranya Lusong Laku di pedalaman daerah Belaga.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, Lusong Laku berpotensi besar untuk menjadi produk pelancongan baharu dengan adanya air terjun Wong Pejik yang seakan-akan Niagara Falls di Kanada.

Nancy berkata, air terjun itu menambahkan lagi senarai produk ekopelancongan di Sarawak seterusnya menjadikan Malaysia sebagai 'Top of The Mind Ecotourism Destination of the World' selaras dengan matlamat Dasar Pelancongan

Negara 2020-2030.

"Sarawak bertuah kerana kaya dengan lokasi eko pelancongan seperti sungai terpanjang di Malaysia (Sungai Rajang), bunga terbesar di dunia, ikan termahal di Malaysia (ikan empurau) serta rama-rama terbesar di dunia dan banyak lagi tarikan baharu yang perlu diterokai di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah pula berkata, pelbagai usaha dilaksanakan untuk memperkasakan sektor pelancongan Sarawak antara kempen 'Jom Ke Sarawak', yang dilaksanakan bersama

Lembaga Pelancongan Sarawak, Persekutuan Pelancongan Sarawak, Persatuan Agensi Inbound Sarawak dan Shopee Malaysia.

Beliau berkata, sebelum ini kempen pelancongan iaitu Sia Sitok Sarawak 1 dan 2, yang menawarkan potongan hingga 50 peratus untuk rakyat Sarawak mendapat maklum balas yang sangat baik.

Untuk kempen Sia Sitok 1, yang dilancarkan tahun lalu, 941 tempahan dibuat membabitkan 5,668 orang, sementara untuk Sia Sitok 2 terdapat 861 tempahan yang membabitkan 6,363 orang, manakala untuk penginapan pula, kempen itu menerima 8,360 tempahan bilik sejak 1 Oktober lalu.